

Kearifan Lokal dalam Karya

Perspektif Budaya dan Bahasa

SHANTROL BIN ABDULLAH

Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

Mukadimah

Makalah ini dimulakan dengan memberikan tafsiran kearifan lokal ini dalam pelbagai sudut. Istilah kearifan lokal atau sering juga disebut sebagai kearifan setempat yang menjadi topik perbincangan khusus dalam seminar ini merupakan satu istilah yang kini kian dikembangkan oleh pelbagai pihak. Kearifan lokal pada hakikatnya telah dipraktikkan dalam pelbagai ranah kehidupan sejak dahulu lagi khususnya dalam pelbagai bidang dalam sesebuah masyarakat tanpa disedari. Van De Walle (1990), merumuskan kearifan lokal (*local genius*) sebagai kebijaksanaan tempatan, kebijaksanaan pengetahuan tempatan atau kebijaksanaan risikan tempatan.

Kearifan lokal juga merupakan sikap dan pandangan, daripada masyarakat dalam mengurus nilai dan persekitaran fizikal, yang memberi kepada daya tahan masyarakat dan keupayaan untuk berkembang di kawasan sesebuah masyarakat itu terletak. Sehubungan dengan itu, kearifan lokal merupakan kebijaksanaan tempatan yang positif kerana tidak ada kebijaksanaan tempatan yang memberikan kesan negatif terhadap menghasilkan kejayaan termasuk kejayaan dalam pelbagai bidang masyarakat setempat.

Keraf (2002), menyatakan bahawa kearifan lokal sebagai pemahaman atau wawasan serta adat kebiasaan atau etika yang wujud dalam kehidupan manusia. Afri-Afya (2001), Caroline Nyamai-Kisia,(2003) pula mentafsirkan kearifan lokal sebagai sumber pengetahuan yang dilakukan dengan penuh dinamik, berkembang dan diteruskan oleh masyarakat tertentu yang wujud dengan pemahaman mereka terhadap alam dan budaya persekitarannya. Dan ada juga yang mentafsirkan kearifan lokal atau kearifan setempat ini sebagai identiti budaya dalam sesuatu

masyarakat. Justeru, dalam makalah ini kearifan lokal atau kearifan setempat ini lebih difokuskan kepada aspek budaya dan bahasa sukuan masyarakat setempat khususnya di Sarawak yang telah diangkat dan dikongsi bersama sehingga nilai bahasa dan budaya ini memberikan nilai identiti tersendiri dan memberi cerminan tentang kebijaksanaan yang positif dan juga menyumbang kepada peradaban masyarakat setempat.

Kearifan lokal/kearifan setempat

Dalam konteks negeri Sarawak, yang didiami hampir 37 etnik peribumi serta mempunyai hampir 60 bahasa utama dan mempunyai sekurang-kurangnya 200 dialek yang berbeza memberikan satu khazanah kebijaksanaan tempatan yang sungguh menarik untuk dikongsi. Penduduk Sarawak seperti yang termaktub dalam Perkara 161A (7) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Peribumi Sarawak dikategorikan sebagai etnik Bukitan, Bisayah, Dusun, Orang Laut, Dayak, Dayak Darat, Kedayan, Kalabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, dan Kanowit) Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sihan, Tagal, Tabun, dan Ukit.

Lantaran itu, kepelbagaian etnik yang ada di Sarawak ini merupakan satu rahmat dan khazanah yang amat bernilai kepada para penulis budaya dan bahasa dalam menghasilkan karya mereka. Penerapan kearifan lokal daripada kepelbagaian etnik dalam sesebuah karya sering menjadi fokus utama dalam setiap karya yang dihasilkan oleh para penulis sama ada peringkat kebangsaan atau Sarawak sendiri. Di Malaysia amnya dan Sarawak khususnya karya yang dihasilkan sering meletakkan kearifan lokal menjadi lambang dan nilai yang cuba diterjemahkan dalam karya mereka. Unsur-kearifan lokal yang menjadi domain utama dalam pengkaryaan mereka adalah seperti juga yang ditakrifkan oleh Edward B Taylor seperti yang berikut:

Budaya ialah sebagai satu entiti kompleks yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat,

keupayaan dan tabiat lain yang digunakan oleh ahli dalam sesuatu masyarakat

(Taylor 1924:1).

Meskipun konsep budaya ini telah berkembang jauh (Kroeber & Kluckhohn, 1952; Krober dan Parson, 1958; Schneider & Bonjean, 1973; Wagner, 1975), secara dasarnya ia tidak banyak berubah dari konsep yang diketengahkan oleh Taylor. Menurut Peterson (1979) pula, kebudayaan terbentuk dari empat elemen iaitu kebiasaan, kepercayaan nilai dan simbol ekspresif (*expressive symbols*). Dalam diskusi tentang globalisasi dan implikasinya terhadap karya, perbincangan tentang penerapan kearifan lokal perlu juga dilihat sebagai sesuatu yang mempunyai nilai kepentingan yang tinggi. Karya adalah salah satu bentuk simbol ekspresif yang membentuk identiti budaya sesuatu masyarakat dan semestinya penerapan kearifan lokal adalah tulang belakang bagi pembentukan identiti tersebut. Berdasarkan norma inilah tulisan ini cuba untuk memfokuskan kepada beberapa aspek dalam membincangkan penerapan kearifan lokal dalam karya yang merangkumi nilai yang berikut iaitu :

- Bentuk-bentuk dan unsur utama kearifan lokal dalam penerapan karya
- Fungsi dan sumbangan penerapan kearifan lokal dan bahasa tempatan ini dalam karya
- Contoh-contoh penerapan kearifan lokal tempatan dalam karya amnya dan Sarawak khususnya.

Di samping itu juga, tulisan ini tidak memfokuskan kepada hasil karya khusus yang dihasilkan oleh penulis Sarawak secara per se sebagai sumber rujukan utama. Penulisan makalah ini juga menggunakan beberapa buah novel yang dikarangkan dalam Bahasa Inggeris oleh penulis-penulis tempatan. Terdapat juga contoh-contoh dari karya asing yang menunjukkan elemen penerapan budaya. Tujuan rujukan ini digunakan ialah untuk menyatakan bahawa penerapan unsur-kearifan lokal dalam karya sememangnya telah wujud dan diterima pakai oleh penulis ternama yang lain dalam negeri dan luar negeri dalam menghasilkan karya mereka.

Namun demikian, sumber yang digunakan dalam penulisan makalah ini adalah melalui novel-novel tempatan serta pelbagai rujukan yang telah dilakukan oleh beberapa penulis tempatan dan luar yang sering mengupas tentang penerapan kearifan lokal dalam karya. Antara penerapan kearifan lokal ini dalam karya termasuklah watak tempatan, bahasa/kosa kata, lokasi, kepercayaan (pantang larang, agama, kepercayaan mistik), identiti sosio kearifan lokal ini termasuklah pakaian, makanan, cara berinteraksi dalam masyarakat dan ideologi. Dengan adanya warna-warna sebegini ia menjadikan sesebuah karya tersebut dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak sebagai sumber rujukan awal terhadap nilai sesuatu bangsa. Namun yang lebih menarik juga penulis tempatan berjaya mengungkapkan aspirasi, masalah dan cabaran kaum berkenaan. Dengan itu secara tidak langsung karya mereka dapat merapatkan jurang perbezaan dari segi budaya, bahasa, kepercayaan dalam amalan hidup (Jeniri Amir : 2007)

Sumbangan kearifan lokal dalam karya

Menurut Leitch (1992) dan Fiske (1989), karya adalah sebahagian daripada konteks sosiobudaya yang lebih besar, dan posisinya diabadikan dalam bentuk masa dan lokasi oleh sejarah. Dalam kata lain, karya adalah hasil dan sumber budaya. Roger (1997) pula mendakwa bahawa jika karya adalah satu bentuk dokumen budaya, maka pembaca juga ditempatkan oleh masa dan lokasi, terlibat secara langsung dalam mempelajari budaya tersebut. Dalam erti kata lain, penerapan nilai tempatan bertindak memenuhi sekurang- kurangnya dua fungsi penting. Iaitu ia membolehkan kearifan lokal pada suatu masa dan lokasi didokumentasikan dan diabadikan dalam pelbagai genre sastera.

Kedua, ia membolehkan pembaca di luar budaya tersebut menghayati bukan sahaja karya yang ditulis tetapi juga memahami suara hati, falsafah, kepercayaan, adat dan sudut pandangan masyarakat tersebut. Dan, dalam konteks ini maka unsur-kearifan lokal dalam sesebuah karya ini bukan sekadar khayalan dan paparan imaginasi penulis sahaja malah unsur-unsur yang dihidangkan dalam karya ini merupakan nilai budaya yang sememangnya wujud dan menjadi norma dalam sesebuah masyarakat.

Dokumentasi Sosiobudaya Tempatan

Dalam novel *Randau Ruai* karya Abdul Latip Talip misalnya, penghasilan dan jalan ceritanya sarat dengan latar belakang masyarakat Iban yang menetap di sebuah penempatan masyarakat Iban. Penulis bukan sahaja berjaya mendokumentasikan kearifan lokal dalam genre sastera (novel) malah novel ini juga mampu memberi gambaran kepada pembaca bagaimana perjalanan hidupnya yang bekerja sebagai pemaju tanah FELCRA di Sarawak hidup dalam kawasan masyarakat Iban serta menerapkan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat tersebut dalam hasil karyanya. Contohnya, pada permulaan dalam novel tersebut pembaca telah dihidangkan dengan budaya dan istilah *berandau* dalam masyarakat Iban iaitu salah satu budaya masyarakat Iban untuk membincangkan dan menyelesaikan sesuatu masalah yang wujud dalam masyarakat mereka.

“ Malam itu orang ramai berkumpul di *ruai*. *Tuai Pasong*, Ketua orang Iban di rumah panjang Nanga setia menjadi tumpuan. Dengan penuh semangat di berucap mengimbau kembali sejarah perjuangan nenek moyang mereka. Pada suatu malam dalam tahun 1854, “ *Tuai Pasong* berhenti seketika memastikan tarikh yang disebutkan itu memang betul dan tepat.....“

Tuai Pasong berhenti seketika. Dia mengesat peluh yang berminyak di mukanya. Kemudian di menepuk dadanya yang bidang dan penuh dengan *tatu* itu...” (halaman 2)

Selain itu juga, dalam Novel *Randau Ruai* ini juga unsur-unsur adat masyarakat Iban sering ditonjolkan dan dihuraikan dengan begitu teliti. Adat-adat yang diterapkan dalam novel ini juga begitu signifikan dengan amalan masyarakat Iban dari dulu hingga kini serta menjadi norma dan nilai utama dalam identiti adat mereka. Antara adat yang dimaksudkan ialah adat *ngayau*, adat *ngayap*, adat kematian, adat perkahwinan, adat pengebumian, adat pertunangan. Penerapan

unsur-unsur adat sebegini merupakan pendokumentasian kearifan lokal yang memang wujud dalam masyarakat Iban.

Adat *ngayau* misalnya, walaupun sekarang tidak diamalkan lagi namun ia merupakan simbol kepada kepahlawanan masyarakat Iban suatu masa dahulu. Begitu juga dengan ada *ngayap/mengayap*. Adat ini merupakan kepercayaan nilai dan simbol ekspresif (*expressive symbols*) masyarakat Iban dalam meluahkan rasa kasih sayang serta cara mereka meluahkan rasa isi hati untuk meminang gadis Iban. Dengan menonjolkan unsur-unsur sebegini juga pembaca dihadangkan bahawa masyarakat Iban juga mempunyai nilai dan norma khusus yang harus diikuti oleh pasangan kekasih.

Kita ada adat yang diwarisi oleh kaum kita sejak datuk nenek moyang kita dahulu. Apa salahnya kita ikut adat itu?' Aghata bersuara. Adat yang mana satu? Tanya Ambing pula. " Dalam masyarakat kita, apabila seorang pemuda ingin berkahwin dengan gadis pilihannya, mereka akan berbincang pada malam **ngayap**. Sepatutnya Ambing datang **mengayap** dan kita boleh berbincang masa depan kita,' kata Aghata (Randau Ruai ms :172)

Di samping itu juga dalam karya penulis tempatan juga unsur-unsur yang berkaitan dengan soal kehidupan dan kematian juga sering dipaparkan. Dalam novel Randau Ruai ini adat kematian masyarakat Iban juga dihuraikan dengan begitu teliti. Daripada memberi mandi mayat *Tuai Pasong* sehinggalah dikebumikan diterangkan dengan begitu teliti berdasarkan norma dan nilai dalam masyarakat Iban tersebut. Walaupun aspek budaya sebegini sering dipaparkan oleh ahli antropologi namun para penulis juga mampu untuk menerapkan nilai sebegini dengan begitu teliti dalam novel mereka.

Mereka membuat *sapat* iaitu tempat untuk meletakkan mayat. Mereka mengikat kain *pua kumbu* yang terbaik kepada 4 batang tiang untuk membentuk petak empat segi yang akan melindungi mayat. *Sapat* itu mesti dibuat kalau tidak keluarga si mati akan mendapat sakit. Kemudian mayat *Tuai Pasong* dibawa keluar dari biliknya untuk

diletakkan ke dalam *sapat*. Bila mayat itu melepasi dinding yang memisahkan antara bilik dengan ruai, seorang perempuan yang sudah berumur menaburkan padi ke atas mayat sambil membaca doa supaya rezeki si mati tidak akan putus walaupun arwah telah pergi.....(ms : 432)

Jam 5 pagi mereka mula membuat persiapan untuk mengebumikan mayat. Sebelum mayat diletakkan dalam keranda, Bulan menyarungkan sebentuk cincin ke jari suaminya sebagai tanda perpisahan (ms : 438)

Begitu juga Novel **Mesap** karya Jali Haji Kenoi yang menarapkan budaya **Mesap** (memproses sagu) dan norma-norma masyarakat Melanau menjadi fokus utama dalam penghasilan karya tersebut. Justeru, dengan adanya pemaparan unsur-kearifan lokal sebegini karya ini bukan sekadar sebagai sebuah novel semata-mata bahkan ia dapat dikategorikan sebagai sebuah bahan pendokumentasian budaya dalam bentuk genre sastera (novel) yang jarang dilakukan oleh ahli-ahli antropologi budaya atau sosiologi.

Rata-rata penduduk di daerah ini terlibat dengan kerja *mesap*; memproses sagu. Di situ banyak pokok rumbia, di situ ada *mesap*. Dan cara Ajim serta Siah bekerja melebihi orang-orang lain. Kehendak Ajim juga, seolah-olah mahu berlumba dengan masa. Lantaran itu, menurutnya Siah harus mengikut rentaknya. Tidak mengenal erti penat dan jerih; tidak mengira waktu siang malam. Memarut keratan-keratan sagu atau *menginjak po*. Sebenarnya kerja memarut dan menghenyak *po*, sangat ditentukan pasang surut.

Ajim berasa megah dengan perbandingan itu. Ada juga orang menyanjungnya, bisik hati kecilnya. Kita harus sedar, *mesap* kerja orang kita sejak berkurun dulu lagi. Semasa pendudukan Jepun, kalau tidak *mesap* dan tidak ada lemanta untuk dimakan, tentu ramai orang yang mati kelaparan. “ hujahnya menyokong *mesap*. (Mesap, ms : 73)

Budaya *mesap* yang ditonjolkan oleh Jali Kenoi dalam novel *Mesap*, merupakan usaha beliau untuk memperkenalkan budaya tersebut kepada khalayak pembaca. Budaya *mesap* yang begitu sinonim dengan masyarakat Melanau di Sarawak juga berkait dengan penghasilan produk-produk daripada rumbia seperti sagu, *tebaloi*, *tupe*, *lemantak*, *linut* dan sebagainya daripada masyarakat Melanau. Dengan adanya penerapan unsur-unsur sebegini, novel tersebut berjaya mendokumentasikan budaya ini dalam bentuk karya sekali gus mengangkat budaya ini untuk dihidangkan kepada pembaca luar.

Selain itu juga, Chuah Guat Eng, novelis Malaysia yang terkenal dengan karya-karyanya yang mencerminkan warna-warna kebudayaan masyarakat Cina di Malaysia mendakwa bahawa walaupun bahasa yang digunakan oleh karyawan, 'semua novelis menggunakan satu bahasa lain, bahasa bentuk dan struktur naratif. Sepertimana perkataan, struktur dan bentuk naratif juga membawa bersama mereka pandangan dan nilai budaya asal' (Chuah, 2009: 1). Oleh itu apa juga watak, jalan cerita atau tema, sesuatu karya itu, ia tidak dapat lari daripada menerapkan budaya tempatan, sama ada secara sedar atau tidak. Melalui karya ini, sejarah potret kehidupan masyarakat pada satu masa dan ketika dapat dirakamkan setepat yang mungkin. Sebagai contoh dalam cerpen Che Husna Azhari bertajuk 'Ustazah Inayah', ibu kepada Inayah menyatakan bahawa dia menentang keras keinginan anak gadisnya untuk menjadi seorang jurutera aeronautik.

Datin Purba tidak bersetuju. Siapa pernah dengar perempuan menjadi jurutera aeronautik. Lagipun, lelaki waras mana yang mahu mengahwini seorang jurutera aeronautik?" (Che Husna 1993,, 155)

Ini kerana sekitar tahun 1970-an, kerjaya sebagai jurutera aeronautik dilihat sebagai pilihan kerjaya yang tidak sesuai untuk wanita. Bukan sahaja ia dilihat sebagai pekerjaan yang lebih sesuai untuk lelaki tetapi persepsi masyarakat Melayu pada ketika itu adalah, wanita yang mempunyai kerjaya sebegini bukanlah calon isteri yang baik. *Inayah* dilihat oleh masyarakat sebagai seorang yang tidak menepati ciri-ciri gadis Melayu yang diingini. Dan sudut pandangan sosiobudaya

Melayu ketika itu mementingkan pandangan masyarakat bahawa matlamat utama seorang wanita adalah untuk menjadi seorang isteri dan ibu yang baik.

Bagaimanapun, jika dinilai pada sudut pandangan zaman ini, *Inayah* kini boleh dilihat sebagai seorang wanita yang bijak, berpelajaran tinggi, berdikari dan mungkin juga calon isteri yang baik inilah nilai kearifan lokal cuba diketengahkan oleh penulis dalam karyanya. Dalam erti kata lain, budaya pada sesuatu masa itu adalah sumber bagi menetapkan nilai-nilai dan persepsi sesuatu golongan pada ketika itu. Pendokumentasian ini adalah satu bentuk dokumentasi sejarah budaya masyarakat pada ketika itu. Lantaran itulah Alexander Thomas menyatakan bahawa:

‘Budaya adalah satu sistem orientasi yang universal tetapi sangat tipikal bagi sesuatu masyarakat, organisasi atau kumpulan. Sistem orientasi ini mengandungi simbol spesifik yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain dalam sesuatu masyarakat, organisasi dan kumpulan. Ia mempengaruhi persepsi, pemikiran dan tingkah laku semua ahli lalu mentakrifkan perhubungan rapat (*affiliation*) mereka. Budaya sebagai sistem orientasi memberi struktur bagi individu dalam masyarakat, organisasi atau kumpulan tersebut lalu membentuk keperluan membangunkan cara-cara berasingan untuk mereka menangani persekitaran mereka” .

(Beu et al. 2000)

Ideologi/sejarah

Menurut Zawiyah (2003), aspek pemikiran yang digunakan dalam sesebuah karya juga berkait rapat dengan ideologi dan sejarah. Penerapan kearifan lokal dalam karya juga memberi gambaran tentang ideologi semasa sesuatu bangsa serta menggambarkan latar sejarah yang dinukilkan dalam bentuk karya. Contohnya karya yang berlatarkan sejarah ini juga kerap menerapkan tarikh, masa dan tempat sesuatu kejadian itu benar-benar berlaku. Nilai sejarah yang dimaksudkan juga sering berkait dengan ideologi sesuatu bangsa. Dalam novel *Randau Ruai* misalnya

diceritakan tentang asal-usul masyarakat Iban serta pandangan mereka tentang kehidupan.

“ Pada suatu masa dahulu ada dua orang adik-beradik. Si abang bernama *Mangging* dan si adik bernama *Kamarolan*. Adapun si adik suka merantau dan menuntut ilmu sehingga dia menjadi orang terpelajar. Adapun si abang tidak mahu ke mana-mana hanya menetap di kampungnya sahaja. Pada suatu hari *Kamarolan* pulang. Tetapi keadaannya sudah berubah. Dia sudah memeluk Islam. Si adik mengajak abangnya masuk Islam tetapi abangnya enggan. Akhirnya terjadinya pertengkaran. Untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan maka keduanya bersetuju untuk membawa haluan masing-masing. Si abang menetap di kawasan hulu manakala adiknya menetap di kawasan hilir. Daripada si *Mangging* lahirlah orang Iban. Manakala daripada *Kamarolan* lahirnya asal – usul orang Melayu (Randau Ruai ms : 242)

‘Menurut sejarahnya kubu Margerita mula di bina pada tahun 1878 dan siap pada bulan September 1879. Bangunan itu dibina setinggi tiga tingkat berbentuk segi empat dan direka bentuknya menyerupai kubu Inggeris pada zaman penjajahan. (ms 303)

Selain itu juga unsur sebegini juga wujud dalam novel *Perhaps in Paradise*, Ellina Abdul Majid (1997). Hal ini dapat dilihat dari sudut pandangan watak-wataknya yang berbeza-beza. Dalam novelnya tersebut yang menceritakan tentang keluarga Melayu kelas atasan pada lewat tahun 1950-an yang mementingkan pendidikan Barat tetapi masih memartabatkan nilai dan peradaban Melayu dalam pemikiran dan budayanya. Watak Abah dalam novel ini sedang merujuk kepada insiden rusuhan pelajar universiti terhadap kerajaan Malaysia sekitar tahun 1960-an. Dalam suratnya kepada anak gadisnya yang sedang melanjutkan pendidikan menengah di England, Abah berpesan:

'Semua sikap kurang ajar ni semuanya kerana meniru budaya barat yang tak bermoral dan tak langsung menghormati orang tua. Orang muda sekarang rasa mereka tahu semuanya, mereka rasa mereka berhak untuk mengkritik orang atasan yang sebenarnya lebih banyak merasa garam sebelum liku-liku muda itu dilahirkan pun. Aku harap kau ambillah episod ini sebagai pengajaran masa depan seandainya kau jejak kaki ke universiti seperti yang abah jangkakan, mengenangkan pengorbanan yang mama dan abah terpaksa harungi untuk memberi pendidikan pada kau' (Ellina 1997, 155)

Menurut Koh (1980), karya berhubung kait dengan nilai dan secara langsung dengan hubungan manusia. Nilai dan hubungan manusia ini adalah fenomena sosial, maka ia merupakan gambaran paling jelas tentang kehidupan masyarakat setempat. Oleh itu karya tidak dapat lari daripada memberi gambaran tentang ideologi yang mempengaruhi budaya tempatan. Dalam petikan di atas, peringatan abah tentang pengorbanannya untuk memberi pendidikan kepada anak anaknya adalah peringatan yang kerap kali diutarakan oleh ibu bapa masyarakat Melayu terhadap anak-anaknya. Jika di Barat ia dianggap sebagai peras ugut emosi atau *emotional blackmail*, namun di Timur, ia diterima sebagai nasihat orang tua kepada anak-anak muda. Masyarakat Melayu, seperti kebanyakan masyarakat Asia mengamalkan *reciprocal responsibility*. Dalam erti kata lain, ideologi kekeluargaan di Malaysia mengutamakan pengorbanan ibubapa untuk membesarkan anak anak dengan sempurna dan ini dibalas dengan tanggungjawab anak anak untuk mematuhi nasihat dan tunjukajar ibubapa. Jika terdapat orang muda yang cuba mencabar pendapat orang yang lebih tua, secara automatik dia dianggap kurang ajar atau biadap meskipun pendapatnya mungkin bernas dan boleh diterima akal. Ini diakui oleh Zawiyah (2003) yang mendakwa karya sebenarnya bukan bersifat suci (*innocent*) kerana di dalamnya terdapat pelbagai mesej yang tersirat.

Gambaran keunikan kearifan lokal dan signifikannya kepada pembaca luar

Seperti yang dinyatakan tadi, penerapan kearifan lokal membolehkan pembaca di luar budaya tersebut menghayati bukan sahaja karya yang ditulis tetapi juga memahami suara hati, falsafah, kepercayaan, adat dan sudut pandangan masyarakat tersebut. Menurut Azizah (1984), kepelbagaian masyarakat Malaysia adalah disebabkan latar belakang yang berbeza, asal usul yang berbeza dan tahap pendidikan yang berbeza. Walaupun mereka dari rumpun bangsa yang sama dan mempunyai kepercayaan agama yang sama, dalam realitinya mereka adalah berbeza. Dalam masyarakat Sarawak contohnya, kepelbagaian ini sangat ketara dan salah satu cara untuk mengenali dan menghayati nilai kompleks ini adalah dengan menonjolkan keunikan setiap budaya itu dalam karya. Masyarakat luar hanya akan dapat menghayati perbezaan ini jika mereka dihadang dengan pelbagai paparan yang kaya dengan nilai-nilai budaya yang membezakan satu golongan dengan golongan yang lain. Masyarakat yang tinggal di pesisir pantai, mempunyai kemahiran dan pandangan hidup yang jauh berbeza dari mereka yang tinggal jauh di pedalaman. Keperluan hidup mereka berbeza, justeru cara mereka menjalani kehidupan semestinya berbeza.

Kepercayaan /pantang larang/bahasa

Dalam membicarakan penerapan unsur-unsur kepercayaan / pantang larang dalam karya khususnya genre novel penulis Sarawak, karya-karya mereka sering menerapkan unsur-unsur sebegini. Dahiri Saini seorang penulis prolific yang banyak menulis dalam pelbagai genre sastera daripada Kota Samarahan, sering mengetengahkan unsur-unsur kepercayaan dan adat yang berbentuk ritual dalam setiap hasil karyanya. Mengamati beberapa karya-karya beliau unsur-unsur kepercayaan dan adat yang diutarakan dalam karya beliau adalah rakaman daripada budaya-budaya setempat yang memang wujud. Selain itu juga, garapan Dahiri Saini dalam aspek bahasa juga amat berkesan dan sentiasa menggunakan kosa kata tempatan. “ dengan menfaatkan unsur sebegini, penulis Sarawak dapat memperluaskan pandangan dan memperkayakan laras dan gaya bahasa. Selain itu juga, pengarang daripada pelbagai kaum di Sarawak dapat mengali legenda, mitos,

cerita rakyat, *sempama*, pantang larang, entelah (teka-teki), mantera, dan seumpamanya (Jeniri Amir : 2008). Novel Hela Bubu Hela karya Dahiri Saini misalnya merupakan karya yang banyak menerapkan unsur mitos dan legenda tentang aspek ini.

Nyanyian itulah yang terus mendorong ku menulis monograf ini. Monograf yang membuat aku terkesima dan terkaku seketika bila memikirkan, bahawa apa yang ku alami ini persis sebuah rentasan mimpi yang cukup menguja rasa hati dan rasa ketidakpercayaan ku dengan apa yang telah berlaku. Aku benar-benar keliru dalam situasi ini. Aku terpasung dalam situasi ini. Aku tidak mengerti apa yang berlaku pada diri ku! Semuanya mengelirukan akal normal ku.

: Apa tidaknya, sepasang bubu yang telah dikenakan dengan pakaian persis manusia, lalu diupacarakan dengan penuh adat dan pantang-larang permainan telah memukau rasa kagum ku yang teramat pelik. Sepasang bubu yang menari dengan lenggok mengikut rentak dan alunan suara seorang tua yang cukup lantang dan garau dalam gumaman mantera yang serba *monotonous* dan ritual sifatnya, terus merenungku dengan tancapan mata nyalangnya yang amat menakutkan. (Dahiri Saini 2007)

Begitu juga dalam novel Randau Ruai. Abdul Latip Talib kerap menyetengahkan unsur-unsur pantang larang ini dalam karyanya. Dalam karya tersebut beliau kerap menggunakan watak Aghata iaitu anak Tuai Pasong untuk menerangkan pantang larang masyarakat Iban kepada Syafiq. Dengan menerapkan unsur sebegini masyarakat luar sedikit sebanyak mengetahui tentang adat dan pantang larang masyarakat Iban yang masih diamalkan sehingga ke hari ini.

Menurut Aghata, anak gadis dilarang duduk di beranda rumah kerana tempat itu hanya untuk lelaki sahaja. Jika terdapat anak gadis yang suka duduk di beranda maka akan digelar bangau berehat yang bertujuan hanya untuk memikat lelaki...

Kami juga dilarang mandi sungai waktu tengah hari kerana ketika itu hantu sedang berkeliaran. Kalau di sapa hantu akan terkena demam panas’,” kata Aghata. (Randau Ruai ms; 286)

Justeru itu, dalam budaya dan kearifan setempat, bahasa bukan saja sekadar bait-bait perkataan yang dituturkan. Dalam situasi yang berbeza dan penutur yang berbeza, bahasa tadi boleh dianggap sebagai mempunyai kuasa ghaib. Di samping itu juga dalam Randau ruia juga unsur-unsur mantera ini juga telah diterapkan dalam novel tersebut.

“ Oh hoi!

Di manakah kamu O *petara*

Di Manakah kamu O nenek Inda puncak dunia,

Nenek Inee puncak hari

Di manakah kamu *Serangindit* yang menjadikan langit

Sebesar buah *embang* lanja

Lihatlah, perhatikanlah, jagalah, selamatkanlah cucu kami ini

Kurniakan dia tuah!

(Randau Ruai ms: 267)

Hefner (1985) dalam kajiannya tentang masyarakat Jawa Tengger menyatakan bahawa kata-kata yang dituturkan oleh Pawang kaum Tengger dianggap mempunyai kuasa ghaib walaupun kata-kata tersebut ‘tidak mempunyai keseimbangan , tidak mudah didapati atau difahami’ (1985, 212). Jika kata - kata ini dipaparkan dalam karya mengikut konteksnya sebagai ungkapan yang digunakan dalam upacara penyembahan penganut Hindu di Jawa, maka pembaca dapat menghargai aspek mistik ungkapan tersebut. Penerapan kearifan lokal juga memberi gambaran tentang cara sesuatu golongan menghadapi dan mengatasi cabaran hidup mereka. Divakaruni dalam cerpennya *Ultrasound* menceritakan tentang Runu, seorang wanita di India yang gagal hamil walaupun telah lima tahun berkahwin.

‘Ibu mertua Runu membawanya ke kuil Shasthi, dewi kelahiran.

Sami keluarga mereka meminta Runu memakai tangkal yang

diikat pada rantai tembaga yang dililit di pinggangnya bagi memujuk bintang siarah yang sedang marah. Mereka kemudian membawanya untuk menjalani ujian pemeriksaan kesihatan untuk memastikan tiada yang rosak pada sistemnya' (Divakaruni 1997, 218)

Petikan ini memberi beberapa gambaran tentang budaya masyarakat India yang menjadi sebahagian dari kehidupan Runu. Pertama, apabila Runu menghadapi kesukaran untuk hamil, secara automatik masyarakat menganggap dia dan bukan suaminya yang menghadapi masalah kemandulan. Kedua, ibu mertuanya tetapi bukan Runu atau suaminya yang mengambil keputusan untuk mencari penyelesaian bagi kemelut ini. Ini membayangkan bahawa ibu mertua mempunyai hierarki dan kuasa yang tinggi dalam sistem kekeluargaan masyarakat India. Ketiga, apa yang menarik ialah walaupun mereka mendahulukan pendekatan mistik dan tradisional, masyarakat ini tidak menolak perubatan moden sebagai satu langkah menyelesaikan masalah mendapatkan zuriat.

Apabila Runu akhirnya mengandung, kegembiraannya hancur apabila ujian *ultrasound* mendapati bayi sulungnya adalah bayi perempuan dan bukannya bayi lelaki seperti yang diidami oleh suami dan mertuanya. Sucheta Mazumdar (1989) mendakwa bahawa kebanyakan budaya Asian menghargai bayi lelaki daripada bayi perempuan. Pendapat ini disokong oleh Akila Shivdas (2005) yang mendakwa pengguguran kandungan bayi wanita dalam kalangan masyarakat India telah mengakibatkan populasi wanita di India turun secara mendadak. Francois Farah (2005) menambah keadaan ini bertambah buruk kerana pada zaman moden ini teknologi *ultrasound* telah digunakan oleh bakal ibu bapa untuk mengenal pasti jantina janin dan seterusnya menggugurkan janin yang tidak diingini.

Mengubah Tanggapan Stereotaip Terhadap Sesuatu Golongan

Teori pasca colonial (*post colonial*) misalnya menyatakan bahawa, salah satu cara untuk mengatasi pengaruh Barat dalam budaya sesuatu masyarakat Timur ialah melalui penulisan (William dan Chrisman, 1994). Sarjana seperti Said (1978), Bhabha (1994) mendakwa penerapan kearifan lokal dalam karya dapat

memerangi masalah stereotaip yang sering dikaitkan dengan sesuatu golongan masyarakat. Contohnya, masyarakat Barat menganggap pemakaian menutup aurat adalah satu bentuk penindasan pada wanita tetapi kebanyakan wanita Islam merasakan pemakaian tersebut membolehkan mereka merasa lebih selamat dan tidak menjadi bahan tontonan dan hiburan lelaki. Stereotaip berkait rapat dengan isu identiti sesuatu golongan dan jika penulisan dianggap sebagai cara menyerlahkan identiti tersebut, penerapan nilai kearifan lokal memainkan peranan penting dalam membina identiti masyarakat tersebut. Lipka (1998) menyatakan bahawa kearifan lokal membentuk struktur rujukan dalam hidup manusia melalui ruang, masa dan nilai hidup.

Bahasa

Menurut, Wo (2007) masyarakat Taigi telah menggunakan penerapan budaya dan bahasa peribumi Hakka dalam karya mereka dengan tujuan untuk memecahkan dominasi polisi penggunaan Bahasa Mandarin sebagai bahasa eksklusif di Taiwan. manakala Walis (2001), pula menyatakan bahawa penggunaan bahasa dan budaya peribumi dalam penulisan telah berjaya untuk memelihara keunggulan bahasa peribumi. Walis mendakwa bahawa 'Sastera peribumi ditulis sendiri oleh penulis peribumi menggunakan bahasa peribumi. Hasil karya ini memberi gambaran tentang bangsa peribumi dan tema yang berkait rapat dengan kemanusiaan dan geografi masyarakat etnik peribumi tersebut (Walis 2001, 129).

Di Amerika pula, penerapan kearifan lokal dalam teks sastera yang digunakan di sekolah didakwa dapat menyelesaikan dua masalah pendidikan dalam masyarakat majmuk. Menurut Webster (2002), kaedah yang dinamakan Pedagogi Responsif /Tindak Balas Budaya (*Culturally Responsive Pedagogy*), mengutamakan karya yang menerapkan elemen budaya pelajar termasuk semua kearifan lokal masyarakat minoriti di Amerika. Bagi pelajar yang datang dari golongan majoriti, pendekatan ini dapat membantu mereka untuk lebih mengenali budaya lain selain dari budaya mereka sendiri. Menurut teori konstruktif, pengetahuan terbentuk dari interaksi sosial (Vygotsky, 1978; Wertsch, 1991).

Melalui interaksi sosial ini, yang boleh terhasil melalui pembacaan, kita boleh belajar melihat sudut pandangan orang lain dan ini secara langsung akan membolehkan kita membentuk sudut pandangan baru (Habermas 1983;

Carspecken, 1996). Bagi pelajar dari golongan minoriti, penerapan budaya mereka dalam karya yang dipelajari di sekolah membolehkan mereka mengaitkan identiti mereka dengan teks tersebut. Menurut Rosenblatt (1978), dalam proses transaksi antara pembaca dengan teks, pengalaman dan pengetahuan yang ada pada pembaca tersebut bukan sahaja datangnya dari teks tetapi dari latar belakang budaya pembaca tersebut. Jika terdapat penerapan budaya mereka dalam karya tersebut, mereka dapat membentuk hubungan rapat dengan karya tersebut. Menurut Webster (2002), teks yang berasaskan kebudayaan yang relevan dengan pembaca memberi makna yang lebih mendalam kerana ia mengukuhkan pengetahuan terdahulu dan pengalaman hidup pelajar tersebut.

Manakala dalam karya penulis tempatan unsur-unsur kosa kata juga mendapat tempat dalam pengkaryaan mereka. Berdasarkan rujukan penulis terhadap beberapa buah novel yang dihasilkan oleh penulis Sarawak didapati kira 50 kosa kata tempatan digunakan dalam setiap Novel karya penulis Sarawak yang berbeza latar dan konteks penggunaannya. Dengan adanya unsur-unsur sebegini kosa kata tempatan dapat di diperluaskan penggunaannya untuk tatapan pembaca serta dapat memperkayakan kosa kata dan istilah bahasa Malaysia.

Kesimpulan

Dengan adanya penerapan kearifan lokal ini dalam karya ia akan memperbanyakkan lagi nilai pusaka bangsa dalam pelbagai bidang. Selain itu juga ia mampu memberi gambaran kepada khalayak bahawa penulis juga berperanan dalam mendokumentasikan kepelbagaian budaya untuk manfaat semua. Dengan memanfaatkan unsur ini juga , penulis Sarawak mampu memperluaskan pandangan sarwa dan mereka juga dapat memanfaatkan bahan kesusasteraan untuk di adunkan dalam bentuk moden (Jeniri Amir : 2007). Malah nilai dan norma yang cuba diketengahkan oleh para penulis/pengarang juga akan menjadi rujukan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Rujukan

Azizah, Kassim (1984). Woman and Divorce Among the Urban Malays. In Azizah Kassim, Hing Ai Yun & Nik Safiah Karim (Eds.), *Women in Malaysia* (pp 94-112). Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

Abdul Latip Talib (2008) *Randau Ruai*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bhabha, H.K. (1994). *The Location of Culture*. New York: Routledge.

Carspecken, P.F. (1990). *Critical Ethnography in Education Research. A Theoretical and Practical Guide*. New York: Routledge.

Chuah, Guat Eng (2009). *Translating the Untranslated: Using the Language of Asian Narrative Structures to Deconstruct the Postcolonial Mindset in Echoes of Silence*. Paper presented at Malaysian International Conference on Language, Literature and Culture, 5th. October 2009

Dahiri Saini. *Hela Bubu Hela*. 2007 (belum diterbitkan).

Divakaruni, C.B. (1997). *Arranged Marriages*. London: Transworld Publishers.

Ellina, Abdul Majid (1997). *Perhaps in Paradise*. Kuala Lumpur: The Written Word.

Farah, F. (2005). *India's Baby Girl Decimated*, News Straits Times, Oct 13.

Fiske , John (1989). *Understanding Popular Culture*. New York: Routledge

Hefner, R. W. (1985). *Hindu Javanese Tengger Tradition and Islam*. Princeton: Princeton University Press.

Jali Kenoi (1992). Mesap. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Koh, Tai Ann (1980). The Singapore Experience – Cultural development in the Global Village. In *Southeast Asian Affairs* (pp292-307). Singapore:Heinemann for Institute of Southeast Asian Studies.

Kroeber, A. L. and C. Kluckhohn, 1952. *Culture: A Critical Review of Concepts and Definitions*

Kroeber, Alfred L., 1948, *Anthropology: Race, Language, Culture, Psychology, Prehistory* revised edition. New York: Harcourt, Brace, and World, Inc. p. 261

Leitch, Vincent B. (1992) *Cultural Criticism, Literary Theory, Poststructuralism / Vincent B. Leitch*. New York: Columbia University Press

Lipka, J. (1998). *Transforming the Culture of Schools: Yuplik Eskimos Examples*. Mahwah: Lawrence Erlbaum Association.

Roger (1997). “No imagined peaceful Place: A Study of Community, Texts and Cultural Conversation in One Urban High School English Classroom.” In *Reading Across Cultures: Teaching Literature in a Diverse Society*. Eds. T. Rogers and A. Soter. New York: Teachers College Press.

Rosenblatt, L.M. (1978). *The Readers, the Texts, the Poems. The Transactional Theory of the Literary Work*. Carbondale, Southern Illinois University Press.

Said, E.(1978). *Culture and Imperialism*. London: Chatto & Windus.

Taylor, Edward. 1920 *Primitive Culture*. New York: J.P. Putnam's Sons.1

Vygotsky, I.S. (1978). *Mind in Society*. Cambridge: Harvard University Press.

Webster, J. P. (2002). *Teaching through Culture: Strategies for Reading and Responding to Young Adult Literature*. Houston: Arte Publico.

Wertsch, J.V. (1991). *Voices of the Mind: A Sociocultural Approach to Mediated Action*. Cambridge: Harvard University Press.

William, P. and Chrisman, L. (1994). Colonial Discourse and Post-colonial Theory: An Introduction. In P. Williams and L. Christman (eds.), *Colonial Discourse and Post-Colonial Theory: A Reader*(pp.1-20). New York: Columbia University Press.

Wo, C.N. (2007). *The Influence of Taigi Literature Debates on the Future Development of Taigi Literature – Establishing A Multi-Language and Multi-Culture Society*. <http://nccur.lib.nccu.edu.tw>. Retrieved 23 November 2009.

Zawiah, Yahya (1994). *Resisting Colonialist Discourse*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.